

**PINDAAN PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN
BAGI BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI**

NO. MBJ 3689001

KEAHLIAN

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bagi Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri yang terdiri daripada gabungan BHEUU, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) (selepas ini disebut sebagai “Majlis”) hendaklah mengandungi tiga puluh enam (36) ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan dua (2) Setiausaha Bersama. Keahlian ini terdiri daripada dua belas (12) ahli yang dilantik oleh Ketua Pengarah BHEUU sebagai Pengerusi (selepas ini disebut sebagai “Pihak Pegawai”) dan dua puluh empat (24) ahli yang terdiri daripada wakil-wakil Pekerja dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I dan II (terdiri daripada Gred 1-40) yang berkhidmat di BHEUU, JBG dan Mdi termasuk di cawangan (selepas ini disebut sebagai “Pihak Pekerja”).

PIHAK PEGAWAI

2. Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai daripada BHEUU, JBG dan Mdi seperti berikut:

- | | | |
|-----|--|------------|
| 2.1 | Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang | -Pengerusi |
| 2.2 | Ketua Pengarah
Jabatan Bantuan Guaman | -Ahli |

- | | | |
|------|--|--------|
| 2.3 | Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia | -Ahli |
| 2.4 | Timbalan Ketua Pengarah
(Perancangan dan Pembangunan)
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang | -Ahli |
| 2.5 | Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan)
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang | -Ahli |
| 2.6 | Timbalan Ketua Pengarah (Sivil)
Jabatan Bantuan Guaman | -Ahli |
| 2.7 | Timbalan Ketua Pengarah (Syariah)
Jabatan Bantuan Guaman | -Ahli |
| 2.8 | Timbalan Ketua Pengarah Insolvency
Jabatan Insolvency Malaysia | -Ahli |
| 2.9 | Pengarah (Pengurusan Sumber Manusia)
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang | -Ahli |
| 2.10 | Pengarah (Khidmat Pengurusan)
Jabatan Insolvency Malaysia | -Ahli |
| 2.11 | Penolong Pengarah Kanan (Pengurusan)
Jabatan Bantuan Guaman | - Ahli |

2.12 Penolong Pengarah (Pengurusan Operasi Personel) -Setiausaha Bersama
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (Pegawai)

Ahli-ahli bagi Pihak Pegawai dilantik atas nama jawatan masing-masing.

PIHAK PEKERJA

3. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada wakil-wakil dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48 dan ke bawah dan Kumpulan Sokongan I dan II yang dipilih oleh pegawai dan kakitangan yang mewakili pekerja-pekerjanya yang berkhidmat di BHEUU, JBG dan MdI. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan seperti di *Lampiran A*.
4. Kekosongan yang berlaku di dalam keahlian Pihak Pekerja hendaklah dipenuhi oleh pegawai atau kakitangan daripada kumpulan yang sama di BHEUU, JBG dan MdI.
5. Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai tarikh pelantikan atau pemilihan mereka dan mereka boleh dipertimbangkan untuk pelantikan semula.

PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

6. Pegawai-Pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan dua (2) Setiausaha Bersama. Jika sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan Mesyuarat yang telah dijadualkan maka ahli Pihak Pegawai terkanan dari pihak Pengurusan BHEUU/ JBG/ MdI boleh menjadi Pengerusi ganti dengan persetujuan Pengerusi. Naib Pengerusi iaitu Pengerusi Pihak Pekerja terdiri di kalangan Pihak Pekerja dan tidak boleh mempengerusikan Mesyuarat

MBJ dalam apa keadaan sekalipun. Bagi memenuhi jawatan Setiausaha Bersama, Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan tersebut.

TUJUAN

7. Tujuan Majlis adalah untuk memperoleh seluas-luasnya kerjasama padu dan menyeluruh di kalangan pegawai dan kakitangan di dalam BHEUU, JBG dan MdI dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan -
 - i. kelicinan kerja dan kebajikan pekerja-pekerja;
 - ii. mewujudkan suatu mekanisme jentera pentadbiran yang baik bagi menguruskan soal-soal mengenai syarat-syarat bekerja; dan
 - iii. percambahan fikiran di antara Pihak Pekerja dengan Pihak Pegawai di BHEUU, BBG dan MdI.

BIDANG DAN FUNGSI

8. Bidang dan fungsi Majlis hendaklah tertumpu hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut:
 - a) membincangkan semua perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan organisasi yang ada hubungkait dengan pentadbiran **kecuali** yang menyentuh dasar Kerajaan atau hal-hal perseorangan;
 - b) membolehkan Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja mengambil bahagian dalam perbincangan dan berkongsi idea dalam mencari penyelesaian

terhadap isu dan perbincangan ini hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara yang melibatkan masalah bersama; dan

- c) mengadakan kemudahan bagi memperbaiki perjalanan dan organisasi pejabat serta peruntukan bagi menerima cadangan dan syor-syor dari kakitangan mengenai perkara ini.

MESYUARAT-MESYUARAT

- 9. Mesyuarat- mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali (empat (4) kali setahun).
- 10. Kuorum bagi mesyuarat Majlis ialah lapan (8) ahli di kalangan Pihak Pegawai dan enam belas (16) ahli di kalangan Pihak Pekerja.
- 10A. Mana-mana ahli dari kalangan Pihak Pekerja yang tidak menghadiri Mesyuarat dua (2) kali berturut-turut dalam tempoh setahun yang berkenaan tanpa sebab dan alasan yang munasabah dan tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Naib Pengerusi adalah dengan ini sama sekali dilucutkan keanggotaannya dalam Majlis sebagai wakil Pihak Pekerja. Pelantikan baru wakil bagi menggantikan tempat tersebut perlu dilakukan segera oleh Pihak Pekerja bagi memastikan kelicinan mesyuarat.
- 11. Agenda bagi mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dimasukkan dengan kebenaran Pengerusi.
- 12. Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi apabila dikehendaki. Tarikh Mesyuarat tersebut hendaklah dipersetujui oleh Pegawai-

Pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di Mesyuarat tersebut hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan Mesyuarat tersebut.

KEPUTUSAN

13. Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan bersama di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja.
14. Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan Jabatan-Jabatan lain dan tidak pula bercanggah dengan dasar Kerajaan bolehlah dilaksanakan terus oleh Seksyen Pengurusan, BHEUU selaku *Urus Setia Majlis*. Bagi keputusan yang ada kaitan dengan dasar kerajaan ataupun dengan Jabatan-Jabatan lain hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

15. Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana satu Mesyuarat Majlis. Notis mengenai pindaan hendaklah diberikan dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Apa-apa pindaan kepada Perlembagaan yang telah diluluskan oleh Majlis hendaklah dikemukakan kepada JPA untuk dipersetujui dan diluluskan.

Disediakan oleh:
Urus Setia Majlis Bersama Jabatan
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
Tarikh: Disember 2009

BIL	JABATAN/ KUMPULAN	BIL. WAKIL	JUMLAH
1	<p>IBU PEJABAT</p> <p><u>Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU)</u></p> <p>Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) (Gred 48 dan ke bawah)</p> <p>Kumpulan Sokongan I (Gred 40-17)</p> <p>Kumpulan Sokongan II (Gred 14-1)</p>	<p>1 Orang</p> <p>2 Orang</p> <p>1 Orang</p>	<p>4 Orang</p>
2	<p><u>Jabatan Bantuan Guaman (JBG)</u></p> <p>Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)(Gred 48 dan ke bawah)</p> <p>Kumpulan Sokongan I (Gred 40-17)</p> <p>Kumpulan Sokongan II (Gred 14-1)</p>	<p>1 Orang</p> <p>2 Orang</p> <p>1 Orang</p>	<p>4 Orang</p>
3	<p><u>Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI)</u></p> <p>Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)(Gred 48 dan ke bawah)</p> <p>Kumpulan Sokongan I (Gred 40-17)</p> <p>Kumpulan Sokongan II (Gred 14-1)</p>	<p>1 Orang</p> <p>2 Orang</p> <p>1 Orang</p>	<p>4 Orang</p>

4	<p>CAWANGAN-CAWANGAN/ ZON</p> <p><u>Jabatan Bantuan Guaman (JBG)</u></p> <p>Zon Tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya)</p> <p>Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)</p> <p>Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak)</p> <p>Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan)</p> <p>Zon Sarawak</p> <p>Zon Sabah</p>	<p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p>	<p>6 Orang</p>
5	<p><u>Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl)</u></p> <p>Zon Tengah (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya)</p> <p>Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang)</p> <p>Zon Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak)</p> <p>Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan)</p> <p>Zon Sarawak</p> <p>Zon Sabah</p>	<p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p> <p>1 Orang</p>	<p>6 Orang</p>
		JUMLAH	24 Orang